



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	REDAH LUMPUR RAMPAS BUBU, SINAR NEGERI JOHOR, SH -31 SASAR 70 PERATUS EKSPORT AKUAKULTUR, SINAR NEGERI JOHOR, SH -31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	CABARAN BELIA NELAYAN TEROKAI SUMBER PENDAPATAN, LKIM SEDIA BANTU, FOKUS, MINGGUAN AMANAH -9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	KETEPIKAN IDEOLOGI, TINGKATKAN PELAN PEMBANGUNAN PERTANIAN SABAH, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Redah lumpur rampas bubu

APMM rampas 33
bubu naga di perairan
Sungai Ayam

Oleh NOR AZURA MD AMIN

BATU PAHAT

Selep mengharung lumpur setinggi paras lutut, anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Batu Pahat berjaya merampas sebanyak 33 bubu naga di perairan Sungai Ayam, Batu Pahat, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Batu Pahat, Komander Maritim Mohammed Othman berkata, rampasan itu dilakukan kira-kira jam 6 petang semasa bot APMM melakukan rondaan.



Bubu naga yang dirampas oleh anggota APMM Zon Maritim Batu Pahat di perairan Sungai Ayam, Batu Pahat petang kelmarin.

“Menyedari kehadiran pihak berkuasa, dua awak-awak yang berada di atas bot fiber bertindak melarikan diri.

“Memandangkan paras air laut sedang surut, anggota APMM terpaksa meredah lumpur hingga paras lutut untuk sampai ke lokasi bubu naga dipasang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohamad berkata, penggunaan bubu naga secara haram boleh menjejaskan sumber perikanan memandangkan ia boleh memerangkap anak-anak ikan komersil.

“Semua bubu naga yang dirampas dibawa ke Zon Maritim Batu Pahat untuk disita mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya.

Sasar 70 peratus eksport akuakultur

PASIR GUIDANG - Jabatan Perikanan Negeri Johor optimis menyumbang sehingga 70 peratus kepada jumlah eksport pasaran luar negara bagi produk akuakultur khususnya udang sehingga penghujung tahun ini.

Pengarahnya, Zamani Omar berkata, perkara itu berdasarkan peningkatan memberangsangkan hasil eksport dicapai tahun lalu iaitu sebanyak 6,374.99 tan metrik berbanding 5,986.18 tan tahun sebelumnya.

“Di Johor, kita sekarang ada satu kawasan yang besar iaitu berpusat di pantai timur yang kita tumpukan di Desaru, Kota Tinggi.

“Dengan adanya kerjasama daripada pemain industri, apabila ada bahan mentah banyak termasuk pembungkusan, pengilangan dan pada masa sama ada pemasaran, ia sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan projek ternakan udang dan produk

hiliran udang oleh Syarikat Greater Asia Seafood Sdn Bhd di Jalan Keluli 7, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, di sini semalam.

Zamani berkata, usaha berkenaan juga diyakini mampu mencapai sasarannya apabila kerajaan negeri turut memperuntukkan RM500,000 bagi penambahbaikan kolam membabitkan industri akuakultur.

Katanya, daripada kesemua jumlah dana diperuntukkan, 20 peratus daripadanya adalah khusus bagi pembangunan penternakan udang.

“Kita dimaklumkan Syarikat Greater Asia Seafood Sdn Bhd ini telah berjaya mengeksport produk akuakultur ke beberapa negara antaranya Australia, China, Jepun dan Eropah.

“Sebagai pengeksport tunggal udang harimau ke Australia, syarikat ini juga sentiasa memastikan dan mengekalkan kualiti produk mereka seiring piawaian ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia,” katanya.

Cabaran **belia nelayan** terokai sumber pendapatan, LKIM sedia bantu

Oleh **FAIZ FADZIL**

A PABILA Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada 9 Mei 2018, fokus kerajaan baharu adalah untuk memulihkan ekonomi negara kembali ke landasan yang sebetulnya.

Kita dapat melihat hari ini ekonomi negara semakin baik dengan pelbagai model rangsangan baharu. Hasilnya, agensi-agensi penting seperti Tabung Haji, Felda dan MARA kembali menunjukkan trend pemulihan dan keuntungan.

Harga komoditi utama negara iaitu minyak sawit terus menunjukkan trend lonjakan hingga ke paras RM3,003 satu tan yang merupakan harga tertinggi dalam tempoh tiga tahun.

Pertumbuhan ekonomi negara pula mencapai 4.6 peratus bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2019. Semua ini merupakan indikator penting bagi memperlihatkan pemulihan ekonomi negara sedang berjalan dengan baik di bawah kepimpinan PH.

Antara pemulihan ekonomi paling signifikan adalah peningkatan peluang pekerjaan sungguhpun ekonomi negara dihipit beban hutang tinggalkan kerajaan BN dan perang dagangan Amerika-China.

Di peringkat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), kami berusaha membantu kerajaan untuk mengurangkan harga barang dengan menyasarkan pembinaan dan menaik taraf lebih banyak pasar nelayan di seluruh negara.

Usaha ini berupaya memendekkan rantai bekalan dengan jualan ikan terus kepada pengguna.

Pada 2019, LKIM telah membina empat pasar nelayan yang baharu serta menaik taraf 23 pasar nelayan yang lain dengan kos sebanyak RM1.94 juta. Pengeluaran produk ikan segar beku 'Qfish' akan dipertingkatkan dengan kemudahan IQF (Individual Quick Freezing) sedia ada di Kuala Kedah dan Kuala Besut.

Harapan saya kepada golongan nelayan adalah melihat mereka mendapat pendapatan yang lebih baik pada tahun hadapan sekali gus keluar daripada terperangkap dalam kelompok isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Justeru, usaha berterusan untuk mendendan nelayan dengan menggalakkan para nelayan memiliki bot dan peralatan lebih canggih. Saya amat mengimpikan lebih ramai belia nelayan tempatan menguasai sektor perikanan termasuk di semua peringkat industri hulu, tengah, dan hiliran

bagi menambah pendapatan.

LKIM sentiasa bersedia membantu belia nelayan untuk menerokai industri hiliran dan akuakultur dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan. LKIM akan sentiasa komited dalam usaha meningkatkan sosio-ekonomi nelayan dan memajukan industri perikanan.

Dalam kita memasuki era baharu tahun 2020, diharapkan Malaysia akan terus menyaksikan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan industri tempatan. Hasil pertumbuhan ekonomi harus dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

Saya berharap agar kerajaan PH dapat memperkenalkan suntikan fiskal dalam projek-projek yang mempunyai "multiplier effect" yang tinggi seperti projek infrastruktur untuk merangsangkan aktiviti ekonomi.

Pada masa sama, ekonomi anak muda harus terus diperkukuh menerusi dana dan bimbingan agensi kerajaan untuk pemia-gaan atau "start-ups" yang diwujudkan oleh anak muda.

Ini akan mengorak langkah ke arah pengurusan ekonomi lebih mampan sepanjang 2020 dan tahun-tahun akan datang. Tahun 2020 merupakan tahun yang lebih menca-bar bagi kerajaan PH memacu ekonomi

rakyat.

Saya juga meletakkan harapan tinggi kepada rakyat Malaysia agar mereka lebih dididik untuk keluar dari kotak pemikiran perkauman sempit. Negara ini perlu dibina bersama-sama dengan kualiti dan dinamika rakyat secara menyeluruh demi kemakmuran bersama.

Saya amat bimbang dengan isu perkauman dan agama sempit yang terus dimainkan pihak tertentu yang boleh membantutkan pembangunan negara kerana sentimen sebegini tidak mampu mengangkat martabat negara.

Tahun baharu 2020 sudah pasti menuntut pemikiran rakyat agar lebih progresif dan bukannya konservatif. Perubahan minda ini perlu dimulakan dalam kalangan anak muda untuk bersama-membina kejayaan demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Saya amat bimbang kemakmuran yang dinikmati dalam negara ini diancam pengusahaan bangsa asing sekiranya anak muda gagal memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara.

■ **Penulis merupakan ADUN Permatang Pasir merangkap Pengerusi LKIM juga Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional.**

Ketepikan ideologi, tingkatkan Pelan Pembangunan Pertanian Sabah



AHLI Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang sama ada di pilih oleh perwakilan atau dilantik oleh menteri diseru menepikan ideologi, kata Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Mazlan Aliman.

Beliau berkata, idea serta pandangan perlu dikemukakan dalam konteks pembangunan pertanian secara lebih serius dengan melihat potensi-potensi yang ada.

Katanya lagi, kesemua 26 Pertubuhan Peladang di Sabah perlu melihat potensi, kembangkan dan sediakan Pelan Pembangunan Pertanian Sabah bagi memastikan masyarakat peladang menikmati kehidupan yang lebih baik dan berupaya menarik golongan muda dalam industri ini.

"Jika kita tidak berfikir jauh ke hadapan, maka kita akan terus berada di takuk lama dan kita akan ketinggalan," ujarnya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra dan Makan Malam Pengerusi LPP bersama Pemimpin Pelada Beaufort dan Papar di Borneo Golf Resort, Bongawan pada Ahad lalu.

Memetik satu kenyataan, beliau turut menyarankan Pertubuhan Peladang di Sabah supaya mempelbagaikan jenis tanaman dan melihat penggunaan teknologi yang boleh menarik orang muda dalam pertanian.

"Tanaman secara fertigasi dan aquaponik yang masih belum banyak diaplikasikan di Beaufort dan Papar.

"Ini kerana pada tahun 2020 ini saya akan memberi fokus kepada pemasaran produk-produk usahawan agar boleh pergi lebih jauh dan boleh capai keperluan eksport," ujarnya lagi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim, Ahli Lembaga LPP, Haris Alimuddin, Setiusaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Sulaiman Kaiat, Pengarah LPP Negeri Sabah, Anita Misuari, Pengerus Besar PPN Sabah, Catherina Edward, Pengarah Kejuruteraan LPP, Mat Zaini Mohd Yusof, barisan AJP, Ketua Unit dan Pengurusan dari PPK Beaufort dan PPK Papar.